

03 AUG 1999

Wanita-Reaksi

ROKIAH BEE BERAZAM UNTUK KERJA LEBIH KUAT

PULAU PINANG, 3 Ogos (Bernama) -- Naib Ketua Wanita Umno Negeri yang baru, Hajah Rokiah Bee Hassan berazam untuk bekerja lebih kuat serta memberikan sumbangan dan perkhidmatan terbaik demi kemajuan parti dan negara.

Katanya, beliau berterima kasih atas kepercayaan pucuk pimpinan pergerakan itu kepadanya untuk bersama-sama menggerakkan jentera parti di peringkat pusat dan negeri dengan melantiknya menjadi anggota Exco pergerakan itu di samping sebagai Naib Ketua Wanita negeri.

Beliau berkata, seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar semua jentera parti berusaha keras untuk memastikan kemenangan dua pertiga Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang perlu disahut dengan penuh semangat untuk menjayakannya.

Rokiah yang juga Ketua Wanita Bahagian Tasek Gelugor sebelum ini merupakan Ketua Penerangan Wanita Umno Negeri.

Beliau berkata, setakat ini persediaan Wanita Umno di Pulau Pinang menjelang pilihan raya berjalan lancar dan setiap bahagian telah menubuhkan bilik gerakan.

Katanya, selain mengadakan majlis penerangan mengenai isu-isu politik semasa kepada ketua-ketua bahagian dan cawangan, kursus jentera pilihan raya juga telah diadakan terutama untuk perayu undi.

Ketua Wanita Umno Negeri yang baru, Senator Che Jam Harun, kini berada di Kuala Lumpur kerana menghadiri persidangan Dewan Negara.

Sementara itu, bekas ketua Wanita Negeri, Sharifah Aminah Syed Mohammad berkata beliau akan terus membantu parti itu pada pilihan raya umum nanti dan memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menegakkan perjuangan parti.

Naib Ketua Pemuda Umno Negeri, Roslan Saidin berkata pelantikan Che Jam, yang juga Ketua Wanita Bahagian Kepala Batas, sebagai ketua yang baru tepat pada masanya dalam usaha UMNO mengukuhkan jentera pilihan raya parti.

Beliau yakin pengalaman Che Jam akan dapat membantu parti itu memenangi pilihan raya akan datang, dan menyifatkan pelantikan itu sebagai menyuntik semangat baru kepada parti, khususnya pergerakan Wanita di negeri ini.

-- BERNAMA

ZU NMO